



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (16) 02/04

PROJEK PERUMAHAN SASaR: LANGKAH PENTING MEMASTIKAN WARGA ATM DAN MINDEF MEMILIKI RUMAH SENDIRI

1. **Kuala Lumpur, 16 April 2024** – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah mengadakan lawatan ke Tapak Perumahan Projek Perumahan Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) Sungai Besi di Galeri Jualan PSV, hari ini.
2. Semasa lawatan, YB Menteri Pertahanan dan Delegasi diberikan taklimat berkaitan projek yang sedang berlangsung melibatkan Projek Perumahan SASaR yang sedang dibangunkan oleh Kerajaan yang mana melibatkan tiga lokasi iaitu di Sungai Besi, Wardieburn dan Setapak.
3. Projek-projek yang sedang berjalan ini adalah merupakan insiatif Kementerian Pertahanan (MinDef) bagi memastikan setiap anggota dan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pekerja awam MinDef dapat memiliki rumah sendiri, selaras dengan objektif Pelan Strategik MinDef 2021-2025 di bawah Teras 3 iaitu “Pelestarian Kerjasama Warga Kerja Pertahanan”.
4. Status perkembangan **Projek SASaR Sungai Besi** adalah di tahap kemajuan yang sangat baik. Sehingga 12 April 2024, kerja-kerja pembinaan telah mencapai kira-kira 65.51%, iaitu 21 hari lebih awal berbanding jadual. MINDEF menjangkakan projek ini siap pada hujung tahun 2025. Ia akan menawarkan 3,500 unit rumah pangsa di kawasan seluas 11.95 ekar. Proses dokumentasi perjanjian jual beli telah bermula secara berperingkat sejak 2 Mei 2022. Penyata terkini hingga 29 Februari 2024 menunjukkan bahawa 3,395 pemohon telah menandatangani Perjanjian Jual Beli, 51 pemohon dalam proses menandatangani perjanjian, manakala 54 lagi menunggu kelulusan pinjaman.
5. Selain itu, **Projek SASaR Wardieburn** pula akan menyediakan 974 buah pangsapuri dengan keluasan 6.5 ekar tanah. Sementara itu, **Projek SASaR Setapak** pula menawarkan 6,400 unit pangsapuri di atas 69 ekar tanah. Kedua-dua projek ini masih dalam menunggu kelulusan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Projek dijangka akan bermula pada hujung tahun 2024 setelah mendapat kelulusan.
6. **Secara keseluruhannya, sebanyak 10,874 unit rumah akan tersedia melalui tiga Projek Perumahan SASaR ini.** Pasukan Projek SASaR akan terus mempergiatkan promosi kepada pegawai, anggota lain-lain pangkat, veteran dan awam MinDef melalui *road tour* mulai Mei hingga Disember 2024 di Markas-markas Formasi dan pasukan setempat di seluruh Negara.

7. Ketibaan YB Menteri Pertahanan di tapak projek disambut oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Isham bin Ishak, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Ketua Staf ATM, Leftenan Jeneral Datuk Arman Rumaizi bin Hj Ahmad, Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Datin Roszanina binti Wahab serta beberapa orang wakil pemaju.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

16 Mac 2024 (Dikeluarkan pada jam 4.00 ptg)